

SULIT



UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER I
SESI 2018/2019**

NAMA KURSUS : FALSAFAH PENDIDIKAN
KOD KURSUS : BBD 10102
KOD PROGRAM : BBA/ BBB/ BBC/ BBD/ BBE/ BBF/ BBG
TARIKH PEPERIKSAAN : DISEMBER 2018 / JANUARI 2019
JANGKA MASA : 2 JAM
ARAHAN : JAWAB SEMUA SOALAN

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI **TUJUH BELAS (17)** MUKA SURAT

SULIT

TERBUKA

BAHAGIAN A

- S1. Metafizik, epistemologi, aksiologi dan logik adalah cabang-cabang falsafah. Logik adalah mengenai
- A. nilai estetika
 - B. hakikat di sebalik alam nyata
 - C. kebenaran ilmu dan pengetahuan
 - D. perkara yang melibatkan pemikiran penaakulan yang sah
- S2. Siapakah di antara tokoh berikut yang mentakrifkan pendidikan ialah proses pembinaan pekerti dan pengembangan akal fikiran?
- A. Plato
 - B. Socrates
 - C. Aristotle
 - D. John Dewey
- S3. Cabang falsafah yang manakah antara berikut yang berkaitan dengan kajian ilmu dan kajian nilai?
- I. Metafizik
 - II. Epistemologi
 - III. Aksiologi
 - IV. Logik
- A. I dan III sahaja
 - B. II dan III sahaja
 - C. II dan IV sahaja
 - D. III dan IV sahaja
- S4. Membaca, menulis dan mengira adalah perkara asas yang diberi penekanan dalam sistem pendidikan. Salah satu falsafah pendidikan berikut yang mengutamakan pendidikan asas seperti kenyataan di atas ialah
- A. Pragmatisme
 - B. Essensialisme
 - C. Eksistensialisme
 - D. Rekonstruktivisme

- S5. Budi bahasa yang baik adalah salah satu aspek yang perlu ditampilkan oleh seseorang guru yang baik selain daripada santunan tingkah laku dan penerapan akhlak yang mulia. Apakah cabang falsafah yang boleh dikaitkan dengan pernyataan di atas?
- A. Logik
 - B. Metafizik
 - C. Aksiologi
 - D. Epistemologi
- S6. Setiap pelajar mempunyai potensi yang berbeza antara satu sama lain. Oleh itu seseorang guru perlu mengajar muridnya mengikut kebolehan individu tersebut. Siapakah yang berpendapat seperti di atas?
- A. Plato.
 - B. Conficius.
 - C. Xun Zi.
 - D. Aristotle.
- S7. Manakah bukan kenyataan yang benar mengenai sistem pendidikan sebelum kedatangan British ke Tanah Melayu?
- A. Sistem pendidikan adalah pendidikan tak formal
 - B. Kaedah mengajar yang digunakan adalah kaedah menghafaz
 - C. Kurikulum adalah hanya terhad kepada pelajaran teks Quran sahaja
 - D. Selain daripada pelajaran kitab suci al-Quran, murid-murid juga belajar sedikit Bahasa Melayu
- S8. Matlamat utama Jawatankuasa Kabinet ditubuhkan ialah untuk
- A. mengkaji sebab-sebab berlakunya keciciran
 - B. mengkaji cara-cara mencegah keciciran murid-murid
 - C. mengkaji sejauh mana sistem pelajaran dapat melahirkan tenaga rakyat yang diperlukan serta satu masyarakat yang bersatu padu
 - D. memastikan sejauh manakah Bahasa Malaysia digunakan dalam sistem pendidikan kebangsaan
- S9. Tujuan utama pembentukan Falsafah Pendidikan Kebangsaan pada tahun 1988 adalah untuk
- A. menentukan matlamat pendidikan negara.
 - B. memberi panduan dalam penggubalan kurikulum.
 - C. menentukan usaha berterusan ke arah perkembangan potensi murid.
 - D. memberi pedoman terhadap segala rancangan dan pelaksanaan aktiviti pendidikan.

- S10. Sekolah Pelajaran Lanjutan adalah antara cadangan yang terkandung dalam laporan berikut
- A. Laporan Barnes
 - B. Laporan Razak
 - C. Laporan Mahathir
 - D. Laporan Rahman Talib
- S11. Apakah matlamat utama pendidikan guru?
- I. melahirkan guru yang berkualiti.
 - II. menguasai ilmu dan kemahiran mengajar.
 - III. memupuk dan mengamal nilai-nilai keguruan.
 - IV. mencapai kecemerlangan pendidikan dalam alaf baru.
- A. I dan II sahaja.
 - B. I dan IV sahaja.
 - C. II dan III sahaja.
 - D. III dan IV sahaja.
- S12. Pendidikan Teknik dan Vokasional adalah penting untuk perkembangan ekonomi dan pendidikan negara. Oleh sebab itu, jawatankuasa ini mencadangkan penubuhan institut teknologi dan sekolah pertukangan dengan menyediakan kursus 3 tahun kepada murid yang telah belajar 2 tahun disekolah menengah. Laporan apakah yang menyatakan cadangan jawatankuasa ini?
- A. Laporan Barnes
 - B. Laporan Razak
 - C. Laporan Mahathir
 - D. Laporan Rahman Talib
- S13. Semua berikut boleh diertikan sebagai kokurikulum, kecuali
- A. kurikulum tambahan
 - B. aktiviti badan beruniform
 - C. pendidikan untuk masa lapang
 - D. aktiviti pelajaran luar bilik darjah

- S14. Perkara utama dalam pembentukan sesuatu kurikulum yang sempurna ialah
- I. isi pelajaran dipilih untuk mencapai objektifnya.
 - II. matlamat pendidikan yang harus dicapai oleh sekolah.
 - III. penilaian untuk mengukur keberkesanan pembelajaran.
 - IV. pendekatan dan strategi yang hendak digunakan untuk mencapai objektif pelajaran
- A. I dan II sahaja.
 - B. I dan IV sahaja.
 - C. I dan III sahaja.
 - D. II dan IV sahaja.
- S15. Bahasa Malaysia telah ditetapkan sebagai bahasa rasmi tunggal dan telah diluluskan di Dewan Rakyat melalui satu akta yang dikenali sebagai
- A. Akta Pelajaran 1961.
 - B. Akta Pendidikan 1996
 - C. Akta Bahasa Malaysia 1967
 - D. Akta Bahasa Kebangsaan 1967.
- S16. Semua berikut adalah perubahan Sistem Pendidikan Kebangsaan berdasarkan syor-syor Laporan Kabinet 1979, kecuali
- A. kegiatan kokurikulum diutamakan.
 - B. bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar dalam semua peringkat persekolahan.
 - C. mata pelajaran Kemahiran Hidup wajib dipelajari dalam sekolah menengah rendah
 - D. kurikulum sekolah KBSR dan KBSM digubal dan dilaksanakan dalam tahun 1980an.
- S17. Tujuan utama penguatkuasaan Akta Pendidikan 1996 ialah
- A. menangani cabaran-cabaran Wawasan 2020.
 - B. memperkukuh semangat perpaduan berbilang kaum.
 - C. memantapkan Sistem Pengurusan Pendidikan Kebangsaan.
 - D. melengkapkan perundangan Sistem Pendidikan Kebangsaan.
- S18. Sekolah Bestari ditubuhkan bertujuan untuk
- A. menjadikan sekolah yang moden
 - B. mencapai matlamat Wawasan 2020
 - C. mencapai matlamat wawasan pendidikan
 - D. menyatupadu murid-murid berbilang kaum

- S19. Perkara-pekerja yang harus dipertimbangkan dalam penggubalan Huraian Sukatan Pelajaran KBSR/KBSM adalah seperti berikut iaitu
- I. hasil pembelajaran
 - II. nilai-nilai murni
 - III. kandungan ilmu dan kemahiran
 - IV. strategi dan aktiviti pengajaran-pembelajaran
- A. I dan II sahaja.
 - B. III dan IV sahaja.
 - C. I,II dan IV sahaja.
 - D. I, II, III, dan IV.
- S20. Mengikut Falsafah Pendidikan Sekolah Rendah, tujuan utama program KBSR adalah memberi pendidikan kepada murid untuk
- A. menguasai kemahiran asas 3M.
 - B. memenuhi keperluan mereka masing-masing.
 - C. menjadi insan yang berilmu dan berakhlak mulia.
 - D. memperkembang potensi mereka secara menyeluruh dan bersepadu.
- S21. Nilai-nilai murni boleh dipupuk melalui pelbagai cara oleh seseorang guru semasa di dalam kelas. Antaranya ialah melalui
- I tingkah laku guru
 - II aktiviti pengajaran guru
 - III penyampaian isi pelajaran
 - IV aktiviti pembelajaran murid
- A. I dan II sahaja.
 - B. III dan IV sahaja.
 - C. I, III dan IV sahaja.
 - D. I, II, III,dan IV
- S22. Perkara-perkara berikut perlu dipertimbangkan dalam komponen penyampaian pelajaran kecuali
- A. langkah-langkah pengajaran
 - B. strategi dan kaedah mengajar
 - C. pengalaman murid sedia ada
 - D. perkara yang diajar oleh guru lain

S23. Bagi seseorang guru yang ingin membuat perancangan pengajaran dan pembelajaran seharusnya perlu berdasarkan kepada beberapa perkara. Apakah perkara-perkara tersebut?

- I huraian Sukatan Pelajaran
- II bahan pelajaran dan kemudahan
- III objektif pelajaran dan isi kandungan
- IV strategi dan aktiviti pengajaran dan pembelajaran

- A. I dan II sahaja.
- B. III dan IV sahaja.
- C. I, III dan IV sahaja
- D. I, II, III, dan IV.

S24. Guru yang sentiasa berusaha meningkatkan kualiti dan prestasi aktiviti pengajaran dan pembelajaran ialah yang bertanggungjawab melaksanakan tugasnya terhadap

- I murid
- II negara
- III ibu bapa
- IV profesion keguruan

- A. I dan III sahaja.
- B. II dan IV sahaja.
- C. I, II dan III sahaja.
- D. I, II, III, dan IV.

S25. Model Tyler dan Model Taba adalah antara jenis model bagi

- A. Falsafah
- B. Psikologi
- C. Kurikulum
- D. Ko-Kurikulum

S26. Pada tahun berapakah peperiksaan *Low Certificate Education (LCE)* dimansuhkan?

- A. 1975
- B. 1976
- C. 1977
- D. 1978

- S27. Guru yang mempunyai kemahiran profesional dalam erti kata yang sebenar ialah guru yang
- I mematuhi Kod Etika Keguruan
 - II mengajar dengan cekap serta berkesan
 - III mempunyai Diploma Pendidikan yang diiktiraf
 - IV sering berusaha meningkatkan prestasi profesionnya
- A. I dan II sahaja.
B. III dan IV sahaja.
C. I, II dan IV sahaja.
D. I, II, III, dan IV.
- S28. Untuk merealisasikan reformasi pendidikan di Malaysia, guru harus memainkan peranan sebagai agen perubahan. Ini bermakna guru masa kini harus menukar dari kebiasaan dan rutin yang diamalkan dulu dengan _____
- I menggunakan strategi berpusatkan murid
 - II melaksanakan program pendidikan bersepadu
 - III mengandaikan murid bersifat *homogen* dan *heterogenus*
 - IV mengurus dan membimbing secara demokratik dan kasih sayang
- A. I dan II sahaja
B. III dan IV sahaja
C. I, II dan IV sahaja
D. I, II, III, dan IV.
- S29. Manakah antara berikut merupakan ciri iklim yang negatif dalam bilik darjah?
- A. Hubungan mesra antara guru dengan murid.
 - B. Iklim persekitaran yang bersih, teratur dan tenteram.
 - C. Murid melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti pembelajaran.
 - D. Guru cenderung memanggil pelajar yang sama untuk menjawab soalan
- S30. Kriteria dan standard am guru yang digariskan dalam Standard Guru Malaysia adalah berdasarkan kriteria dan standard yang telah ditetapkan dalam
- A. Diploma Pendidikan
 - B. Pendidikan Tinggi
 - C. Kelayakan Perguruan
 - D. *Malaysia Qualification Framework*

- S31. Manakah antara berikut merupakan perubahan utama sistem pendidikan berdasarkan Akta Pendidikan 1996?
- A. Sekolah Bestari diperkenalkan untuk sekolah rendah dan menengah.
 - B. Reformasi sistem pendidikan untuk mencapai matlamat wawasan 2020.
 - C. Menambah peluang pendidikan tertiar dengan meluluskan penubuhan kolej universiti swasta.
 - D. Pendidikan pra-sekolah diperkenalkan sebagai sebahagian daripada sistem persekolahan rendah.
- S32. Antara berikut merupakan domain dalam “Taxonomy Bloom” kecuali
- A. pengetahuan
 - B. kefahaman
 - C. aplikasi
 - D. apresiasi
- S33. Aspirasi dalam sistem pendidikan bagi memupuk perpaduan negara dijalankan dengan cara
- I. menggunakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar di sekolah-sekolah.
 - II. membenarkan kelas-kelas sosial yang berbeza tarafnya berlanjutan
 - III. mencantumkan sistem-sistem pendidikan di Sabah dan Sarawak dengan sistem kebangsaan
 - IV. mengurang jurang perbezaan dalam perbezaan dalam peluang-peluang pendidikan di antara kawasan-kawasan.
- A. I dan II sahaja
 - B. I, II dan III sahaja
 - C. II dan III sahaja
 - D. I,II,III dan IV
- S34. Faktor yang bukan penghalang dalam usaha menggalakkan perpaduan ialah
- A. prejudis
 - B. materialisme
 - C. diskriminasi
 - D. aras kepercayaan

- S35. Gerak kerja kokurikulum yang diadakan di sekolah-sekolah bertujuan untuk
- I. memupuk sifat kepimpinan murid-murid
 - II. melatih murid-murid supaya bertanggungjawab
 - III. melahirkan semangat bertanding secara melampau
 - IV. membenarkan murid-murid bercampur gaul dengan bebas
- A. I, dan II sahaja
 - B. I, II dan III sahaja
 - C. III dan IV sahaja
 - D. I, II dan IV sahaja
- S36. Peranan sekolah sebagai satu institusi sosial di negara kita meliputi semua yang berikut kecuali
- A. melanjutkan unsur-unsur kebudayaan semasa yang sesuai
 - B. mengekalkan warisan kebudayaan yang dihargai
 - C. mewujudkan satu masyarakat yang berteraskan kebudayaan kaumnya
 - D. menapiskan unsur-unsur kebudayaan yang tidak diinginkan
- S37. Faktor-faktor yang mungkin menyebabkan berlakunya keciciran persekolahan adalah
- I. sistem elit
 - II. sosioekonomi
 - III. tidak ada dorongan ibu bapa
 - IV. tidak terdapat kemudahan prasekolah
- A. II dan III sahaja
 - B. I, II dan IV sahaja
 - C. I dan II sahaja
 - D. I,II,III dan IV
- S38. Persekolahan merupakan satu proses pemasyarakatan kerana sekolah
- A. menyediakan pengajaran yang selaras dengan kehendak masyarakat
 - B. membekalkan tenaga manusia terlatih sejajar dengan kehendak masyarakat
 - C. membimbing seseorang itu memperolehi corak tingkah laku yang diterima masyarakat
 - D. melengkapkan seseorang individu dengan ilmu pengetahuan yang dikehendaki masyarakat

- S39. Bagi memupuk perpaduan, perkara-perkara berikut ditekankan di dalam sistem pendidikan di Malaysia, kecuali
- A. Dasar Ekonomi Baru
 - B. Dasar Asimilasi Nasional
 - C. Dasar Bahasa Kebangsaan
 - D. Dasar Pendidikan Kebangsaan
- S40. Di antara yang berikut, manakah yang bukan merupakan faedah penggunaan teknologi dalam pendidikan?
- A. Dapat memupukkan minat murid-murid
 - B. Dapat menjadikan suatu pelajaran itu lebih bermakna
 - C. Dapat menyeronokkan murid-murid walaupun objektif pelajaran tidak tercapai
 - D. Dapat membantu murid-murid membentuk konsep dengan jelas
- S41. Pendidikan adalah satu proses yang paling utama untuk
- A. mewarisi nilai-nilai budaya
 - B. meningkatkan kemahiran dan ilmu pengetahuan
 - C. menghasilkan perubahan sosial sejajar dengan perubahan dalam masyarakat
 - D. memupuk perkembangan individu dan kewarganegaraan yang sejajar dengan aspirasi dan ideologi negara
- S42. Proses pendidikan perlulah merangkumi aspek intelek, latihan jasmani serta pembinaan akhlak yang mulia, berani, dan hormat menghormati antara satu sama lain. Siapakah antara tokoh berikut yang berpendapat sedemikian?
- A. Ibnu Rush
 - B. Al-Farabi
 - C. Al-Ghazali
 - D. Ibnu Khaldun

- S43. Manakah antara berikut merujuk kepada komponen standard kompetensi pengetahuan dan kefahaman seperti yang dinyatakan di dalam Standard Guru Malaysia?
- I. Pengurusan bilik darjah
 - II. Kandungan ilmu pengetahuan
 - III. Kandungan mata pelajaran yang diajar
 - IV. Sumber pendidikan dalam pelaksanaan kurikulum
- A. I dan II sahaja
 - B. I, II dan III sahaja
 - C. II, III dan IV sahaja
 - D. I, II, III dan IV
- S44. Dasar pendidikan wajib dan dasar pendidikan percuma merupakan contoh-contoh dasar pendidikan yang berkaitan dengan
- A. taraf pendidikan
 - B. jurang pendidikan
 - C. peluang pendidikan
 - D. tahap persekolahan
- S45. Manakah di antara berikut merujuk kepada contoh menulis objektif tingkah laku yang eksplisit?
- Pada akhir pengajaran, pelajar akan dapat
- A. menyedari pentingnya perpaduan rakyat
 - B. memahami pengajaran daripada sesuatu cerita yang dibaca
 - C. menghayati keindahan lagu Malaysia Gemilang dengan baik
 - D. menerangkan lima prinsip Rukun Negara dengan betul tanpa merujuk buku
- S46. Berikut merupakan strategi untuk memupuk minda kelas pertama sepertimana yang digariskan dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010.
- I. Memperkukuhkan perpaduan nasional
 - II. Merapatkan jurang prestasi sekolah bandar dan luar bandar
 - III. Membina masyarakat yang inovatif dengan keupayaan sains dan teknologi yang kukuh
 - IV. Melaksanakan penambahbaikan secara komprehensif keatas sistem penyampaian pendidikan dan latihan
- A. I,dan II sahaja
 - B. I dan III sahaja
 - C. I,II dan III sahaja
 - D. I,II, III dan IV

- S47. Pendidikan berdasarkan Falsafah Pendidikan Kebangsaan membawa konsep bahawa perkembangan potensi individu adalah secara seimbang, menyeluruh dan bersepadu. Manakah antara berikut ialah implikasi kepada konsep tersebut?
- I. Konsep meritokrasi dalam mendapatkan pendidikan
 - II. Perkembangan bersepadu intelek, rohani, emosi dan jasmani.
 - III. Penerapan nilai murni dalam pengajaran semua matapelajaran.
 - IV. Penubuhan lebih banyak institusi latihan kemahiran untuk melatih tenaga kerja.
- A. I dan IV sahaja
 - B. II dan IV sahaja
 - C. I dan III sahaja
 - D. II dan III sahaja
- S48. Manakah antara berikut merupakan pelaksanaan Dasar Pelajaran Kebangsaan melalui satu sistem pendidikan yang memperuntukkan perkara-perkara yang akan memenuhi keperluan negara serta memupuk perpaduan negara?
- I. Pelbagai pendidikan dan komprehensif skopnya.
 - II. Kurikulum Kebangsaan dan peperiksaan yang sama.
 - III. Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama.
 - IV. Pendidikan bersepadu, menyeluruh, seimbang dan harmoni.
- A. I, II dan III sahaja
 - B. I, III dan IV sahaja
 - C. II, III dan IV sahaja
 - D. I, II, III dan IV
- S49. Menurut Hassan Langgung (1979), antara perkara yang menjadi dasar dalam Pendidikan Islam antaranya adalah seperti berikut
- I. Kehidupan selepas mati
 - II. Kepercayaan kepada wahyu yang diturunkan
 - III. Keesaan tuhan dan kepercayaan kepada rasulNya
 - IV. Setiap individu bertanggungjawab terhadap tindakannya sendiri
- A. I dan II sahaja
 - B. II dan III sahaja
 - C. I,II dan III sahaja
 - D. I,II,III dan IV

- S50. Penilaian ini merupakan aktiviti mengesan kekuatan dan kelemahan penguasaan murid dalam sesuatu kemahiran yang telah diajarkan. Apakah nama jenis penilaian ini?
- A. Penilaian Sumatif
 - B. Penilaian Formatif
 - C. Penilaian Objektif
 - D. Penilaian Subjektif
- S51. Apakah yang dimaksudkan dengan kurikulum formal?
- A. Kurikulum formal yang mengikut pentafsiran guru/pensyarah sendiri
 - B. Kurikulum yang digubal berlandaskan pedagogi, psikologi dan teori kurikulum.
 - C. Kurikulum yang benar-benar dilaksanakan melalui proses pengajaran dan pembelajaran
 - D. Kurikulum yang digubalkan dengan berlandaskan matlamat pendidikan negara dan mengandungi segala isi pengajaran dan pembelajaran serta penilaian bilik darjah dan aktiviti ko-kurikulum
- S52. Apakah yang dimaksudkan dengan kemahiran afektif dalam domain “Taxonomy Bloom”?
- A. Konsep tingkah laku, amalan, kemahiran sukan dan interaksi sosial
 - B. Konsep asas ilmu, teori dan hokum serta kemahiran memahami dan berfikir
 - C. Konsep yang merangkumi pemikiran, sikap dan kepercayaan seperti nilai estetik dan nilai moral
 - D. Konsep yang merangkumi kebolehan menyelesaikan masalah sosial dan kehidupan harian.
- S53. Berikut merupakan faktor-faktor yang mempengaruhi konteks profesionalisme keguruan kecuali
- A. Kemahiran yang dimiliki
 - B. Pengetahuan yang diperolehi
 - C. Kefahaman tugas dan tanggungjawab
 - D. Kualiti pengajaran dan pembelajaran yang diperolehi
- S54. Peranan sekolah sebagai satu institusi sosial di negara kita meliputi semua yang berikut kecuali
- A. mengekalkan warisan kebudayaan yang dihargai
 - B. melanjutkan unsur-unsur kebudayaan semasa yang sesuai
 - C. menapisikan unsur-unsur kebudayaan yang tidak diingini
 - D. mewujudkan satu masyarakat yang berteraskan kebudayaan kaumnya



- S55. Pada tahun berapakah peringkat percubaan terhadap KBSM dilakukan?
- A. 1985
 - B. 1986
 - C. 1987
 - D. 1988
- S56. Antara berikut merupakan peranan seorang guru dalam Pendidikan Abad Ke 21 iaitu
- I. pembimbing
 - II. pemudahcara
 - III. perancang
 - IV. pentadbir
- A. I dan II sahaja
 - B. II dan III sahaja
 - C. I,II dan III sahaja
 - D. I,II,III dan IV
- S57. Berikut merupakan kriteria-kriteria yang termasuk dalam pelaksanaan program Pendidikan 4.0 iaitu
- I. Hybrid
 - II. Fleksibel
 - III. Penilaian Alternatif
 - IV. *Work Based Learning*
- A. I dan II sahaja
 - B. II dan III sahaja
 - C. I,II dan III sahaja
 - D. I,II,III dan IV
- S58. Pada tahun berapakah pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris dilaksanakan?
- A. 2001
 - B. 2002
 - C. 2003
 - D. 2004

- S59. Mata pelajaran Vokasional (MPV) telah mula diperkenalkan di sekolah harian biasa. Pada tahun berapakah ianya diperkenalkan?
- A. 2001
 - B. 2002
 - C. 2003
 - D. 2004
- S60. Akta Pendidikan 1996 dalam Bab 7, Seksyen 36 dengan jelas menyatakan pendidikan vokasional termasuk di bawah pendidikan teknik, dan pendidikan teknik pula merangkumi
- I latihan kemahiran
 - II latihan bagi meningkatkan kemahiran yang sedia ada,
 - III lain-lain latihan teknik atau vokasional yang diluluskan
 - IV latihan khusus yang berhubungan dengan pekerjaan tertentu
- A. I dan II sahaja
 - B. II dan III sahaja
 - C. I,II dan III sahaja
 - D. I,II,III dan IV

BAHAGIAN B

- S61 (a) Apakah yang dimaksudkan dengan Falsafah Pendidikan ?
(4 Markah)
- (b) Huraikan apakah tujuan konsep Tauhid dalam sistem pendidikan tinggi di Malaysia?
(6 Markah)
- (b) Sebagai bakal seorang guru teknikal dan vokasional, cadangkan cara untuk menyelesaikan masalah pembangunan modal insan yang holistik sepertimana yang digariskan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan selari dengan Revolusi dan Pendidikan 4.0
(10 Markah)

-SOALAN TAMAT-